

Masilect 1

Rasagiline Tablets 1 mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Masilect 1
2. Bagaimana Masilect 1 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Masilect 1
4. Cara menggunakan Masilect 1
5. Semasa menggunakan Masilect 1
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Masilect 1
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Masilect 1

Tablet Masilect 1 digunakan untuk merawat gejala penyakit Parkinson. Ia boleh diambil dengan atau tanpa agonis dopamin atau terapi *levodopa*.

Penyakit Parkinson adalah keadaan otak yang mempengaruhi pergerakan badan. Tiga gejala utama penyakit Parkinson ialah:

- Bergegar (gegaran)
- Kekakuan otot
- Pergerakan perlahan dan tidak stabil

Dalam penyakit Parkinson, terdapat kehilangan sel yang menghasilkan dopamin di kawasan tertentu di otak.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan tentang mengapa ubat ini telah ditetapkan untuk anda. Doktor anda mungkin telah menetakannya atas sebab lain.

Bagaimana Masilect 1 berfungsi

Masilect 1 mengandungi bahan aktif *rasagiline* (sebagai mesilat). Masilect 1 adalah perencat *monoamine oxidase (MAO)*.

Masilect 1 berfungsi dengan meningkatkan dan mengekalkan tahap dopamin dalam otak anda yang akan mengurangkan gejala penyakit Parkinson.

Sebelum menggunakan Masilect 1

- Bila tidak boleh menggunakan

- anda alah kepada *rasagiline*, atau mana-mana bahan yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Jika anda mempunyai tindak balas alahan, anda mungkin mendapat ruam kulit, mengalami kesukaran bernafas, mendapat simptom demam hay atau berasa pitam.

Sentiasa semak bahan-bahan kandungan ubat ini untuk memastikan anda boleh menggunakan ubat ini. Sila semak sekiranya:

- anda mempunyai masalah hati.
- sudah mencapai tarikh luput (EXP) yang dicetak pada pek kerana terdapat kebarangkalian bahawa ubat ini tidak lagi berfungsi.
- bungkus ubat telah koyak atau menunjukkan tanda-tanda telah diusik.
- anda tidak memahami arahan pada label. Jika ya, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.
- anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil ubat ini. Jika ya, sila bincang dengan doktor anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau berniat untuk hamil. Bercakap dengan doktor anda jika anda sedang menyusui atau berniat untuk menyusui. Doktor anda boleh berbincang dengan anda tentang risiko dan faedah yang terlibat.

Kanak-kanak di bawah 18 tahun

Masilect 1 tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak di bawah umur 18 tahun kerana tiada maklumat khusus tentang penggunaan tersebut. Sentiasa tanya doktor anda sebelum memberi ubat kepada kanak-kanak

- Sebelum menggunakannya

Semak dengan doktor jika anda merokok. Nikotin boleh menjejaskan paras *rasagiline* yang ada dalam badan anda.

Anda harus bercakap dengan doktor anda tentang sebarang perubahan kulit yang mencurigakan. Rawatan dengan Masilect 1 mungkin meningkatkan risiko kanser kulit.

Semasa rawatan, anda mungkin berisiko mendapat kesan sampingan tertentu. Penting untuk anda memahami risiko ini dan bagaimana untuk memantaunya. Sila rujuk pada maklumat tambahan di bawah Bahagian Kesan Sampingan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan kepada sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk sebarang ubat, vitamin atau suplemen yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan anda.

Jika anda sudah mengambil Masilect 1, jangan ambil ubat lain yang dipanggil:

- *monoamine oxidase inhibitors (MAOI)*, sama ada digunakan untuk merawat kemurungan, penyakit Parkinson atau sebarang keadaan lain.
- produk perubatan dan semula jadi lain tanpa preskripsi yang mempunyai kesan sebagai MAOI (contohnya: *St. John's Wort*).
- *pethidine*, iaitu ubat penahan sakit yang kuat.
- *ciprofloxacin*, iaitu antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan.

Tunggu sekurang-kurangnya 14 hari selepas berhenti mengambil Masilect 1 sebelum memulakan pengambilan ubat MAOI atau *pethidine* anda.

Ubat-ubatan berikut memerlukan nasihat perubatan khusus sebelum diambil bersama Masilect 1:

Masilect 1

Rasagiline Tablets 1 mg

- ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan, keresahan, gangguan panik, gangguan obsesif kompulsif atau kecelaruan disforia prahaid. Contoh ubat tersebut termasuk perencat pengambilan semula serotonin terpilih (SSRI), antidepresan trisiklik dan tetrasiklik
- ubat lain yang digunakan untuk merawat kemurungan dipanggil *fluoxetine* dan *fluvoxamine*.
- Tunggu sekurang-kurangnya 5 minggu selepas berhenti mengambil *fluoxetine* sebelum memulakan rawatan dengan Masilect 1, dan 14 hari selepas berhenti mengambil Masilect 1 sebelum memulakan rawatan dengan *fluoxetine* atau *fluvoxamine*.
- *dextromethorphan* (ubat batuk), serta ubat-ubatan yang mengandungi bahan dengan kesan simpatomimetik, seperti yang terdapat dalam tablet oral untuk demam selesema serta titisan hidung yang mengandungi *ephedrine* atau *pseudoephedrine*.
- *clozapine*, iaitu ubat yang digunakan untuk merawat skizofrenia.
- ubat lain yang digunakan untuk merawat gejala penyakit Parkinson.

Doktor atau ahli farmasi anda boleh memberitahu anda apa yang perlu dilakukan jika anda mengambil ubat ini atau mana-mana ubat lain.

Jika anda belum memaklumkan doktor anda mengenai mana-mana perkara di atas, sila maklumkan kepada doktor anda sebelum memulakan pengambilan Masilect 1.

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti tentang ubat, vitamin atau suplemen yang anda ambil dan jika ini menjejaskan Masilect 1.

Cara menggunakan Masilect 1

Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa untuk Masilect 1 ialah satu tablet 1 mg sekali sehari.

- Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak Masilect 1 yang perlu diambil setiap hari. Ambil jumlah yang diarahkan oleh doktor anda.
- Ikut semua arahan yang diberikan kepada anda oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.
- Bila perlu digunakan
- Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari. Pengambilan pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingat masa untuk mengambilnya.
- Telan tablet secara keseluruhan dengan segelas air yang penuh.
- Masilect 1 boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu digunakan

Pengambilan ubat ini tidak boleh dihentikan tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika anda terlupa menggunakan

Masilect 1 harus diambil secara konsisten pada masa yang sama setiap hari. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal kerana hal ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

Jika anda tidak pasti dengan apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda mempunyai masalah untuk mengingat jadual pengambilan ubat anda, tanya ahli farmasi anda untuk nasihat dan panduan.

Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda telah mengambil terlalu banyak Masilect 1, anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan kadar segera.

Anda hendaklah segera:

- hubungi doktor anda, atau
- pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat anda.

Anda perlu berbuat demikian walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Semasa menggunakan Masilect 1

Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda jika anda mendapati sebarang ketulan kulit atau tahi lalat yang muncul secara luar biasa atau terdapat sebarang perubahan pada kulit atau tahi lalat sedia ada.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Masilect 1, terutamanya jika anda mula mengambil sebarang ubat baharu.

Simpan semua janji temu doktor anda supaya perkembangan kesihatan anda dapat dipantau.

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda:

- hamil semasa mengambil Masilect 1. Ingatkan mana-mana doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang anda temui bahawa anda sedang menggunakan Masilect 1.

Masilect 1

Rasagiline Tablets 1 mg

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
- Jangan ambil Masilect 1 untuk merawat sebarang penyakit atau keadaan lain melainkan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan berikan ubat anda kepada orang lain, walaupun simptom mereka kelihatan serupa dengan anda.
- Jangan memandu, mengendalikan jentera atau bekerja di tempat tinggi semasa rawatan jika anda pernah tertidur secara tiba-tiba tanpa amaran, sebelum menggunakan Masilect 1.

Jika anda berasa pening atau pengsan apabila bangun daripada katil atau berdiri, bangun secara perlahan-lahan. Hal ini dapat membantu badan anda untuk membiasakan diri dengan perubahan kedudukan dan tekanan darah. Jika masalah ini berterusan atau menjadi lebih teruk, sila berbincang dengan doktor anda.

Bukti saintifik menunjukkan bahawa penyakit Parkinson dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser kulit, termasuk melanoma. Dalam kajian klinikal terkawal melibatkan ubat ini dengan plasebo, kes melanoma telah dilaporkan dalam kedua-dua kumpulan pesakit yang menerima Rasagiline 1 mg dan plasebo (masing-masing sekitar 0.5% berbanding 0.2%). Oleh itu, pesakit Parkinson, termasuk mereka yang dirawat dengan Rasagiline 1 mg, disarankan untuk menjalani pemeriksaan kulit secara berkala.

Pengambilan makanan yang mengandungi jumlah tyramine yang tinggi (contohnya keju tua dan wain merah) semasa anda mengambil Masilect 1 boleh menyebabkan peningkatan tekanan darah, walaupun kebarangkaliannya rendah, dan harus dielakkan. Jika anda mengambil makanan tersebut semasa rawatan dan berasa tidak sihat, anda perlu menghubungi doktor yang merawat anda. Doktor atau ahli farmasi anda boleh memberikan nasihat mengenai

makanan yang tinggi kandungan tyramine serta risiko tindak balas yang mungkin berlaku.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati sebelum anda memandu atau menggunakan sebarang mesin atau alatan sehingga anda mengetahui cara Masilect 1 mempengaruhi anda. Masilect 1 boleh menyebabkan anda berasa mengantuk pada waktu siang semasa melakukan aktiviti harian.

Minum alkohol

Beritahu doktor anda jika anda minum alkohol. Berhati-hati apabila meminum alkohol semasa anda mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan. Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, kebanyakannya adalah ringan dan bersifat sementara.

Walau bagaimanapun, beberapa kesan sampingan mungkin memerlukan perhatian perubatan. Lihat maklumat di bawah dan, jika anda perlu, tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut tentang kesan sampingan.

Kesan sampingan yang kurang serius:

Kesan sampingan yang kurang serius	Apa yang perlu dibuat
• sakit kepala • sindrom selesema • rasa tidak sihat • sakit leher • senak perut • sakit sendi • kemurungan • keradangan mata • sakit perut • kecederaan tidak sengaja (terutamanya terjatuh) • pening apabila anda berdiri	Sila berbincang dengan doktor anda sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan yang disenaraikan di sini.

kerana tekanan darah rendah • sembelit • muntah • pengurangan berat badan • kesukaran untuk bergerak secara normal • mempunyai pemikiran yang obsesif atau tingkah laku impulsif	
--	--

Hubungi doktor anda jika anda mendapati sebarang perubahan kulit yang mencurigakan kerana mungkin terdapat peningkatan risiko kanser kulit (melanoma) dengan penggunaan ubat ini.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda melihat apa-apa lagi yang mungkin membuat anda berasa tidak sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di sini mungkin berlaku pada sesetengah orang

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my/Public) [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccine (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Masilect 1

- Penyimpanan

- Jauhkan ubat ini daripada pandangan dan capaian kanak-kanak.
- Jangan gunakan ubat ini melebihi tarikh luput yang dinyatakan pada botol selepas EXP.
- Simpan pada suhu di bawah 30°C.
- Jika warna tablet berubah atau menunjukkan tanda-tanda kemerosotan, dapatkan nasihat

Masilect 1

Rasagiline Tablets 1 mg

ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan.

- Pelupusan

Jangan buang sebarang ubat melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara membuang ubat yang anda tidak gunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Masilect 1 berbentuk bulat, berwarna putih atau putih pudar, tidak bersalut, dengan permukaan rata dan bahagian tepi yang serong. Terdapat ukiran "1" pada satu permukaan, manakala permukaan satu lagi adalah licin.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Rasagiline mesylate 1.56 mg
(bersamaan dengan
rasagiline 1 mg)

- Bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose/Avicel PH 101, Corn Starch, Pregelatinised starch/Starch 1500, Citric Acid Monohydrate, Colloidal Silicon Dioxide (Aerosil 200 Pharma), Talc, Stearic Acid (Speziol L2SM Pharma)

- Nombor MAL

MALxxxxxxx

Pengilang

Micro Labs Limited

Plot No. S.155 to S.159 & N1 Verna Industrial Estate,
Phase III & Phase IV, Verna Salcette
Goa, IN-403722 India

Pemegang Pendaftaran Produk

MansaHealthcare Sdn Bhd

B-05-3A, 3 Two Square No 2, Jalan
19/1, 46300 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

8-May-2026

Nombor Siri

NPRA (R1) 26/001